

# KETIDAKPATUHAN PERATURAN KEWANGAN

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) kali ke-811, pada 11 Mei 2022, telah meluluskan permohonan pembayaran bagi perolehan yang tidak mematuhi peraturan kewangan (Kenaan AP59) serta penubuhan Jawatankuasa Siasatan Peringkat Universiti bagi Pengurusan Pembayaran AP59.

Berdasarkan penemuan oleh Jawatankuasa Siasatan Dalamannya mengesyorkan perkara seperti berikut :

- (i) Ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan, pentadbir dan semua pensyarah di fakulti yang akan terlibat dengan perolehan perlulah **menghadiri kursus dan latihan yang berkaitan dengan prosedur kewangan;**
- (ii) Pentadbir di Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah **meningkatkan pengetahuan dan kecaknaan** berkaitan dengan **pengurusan kewangan dan peraturan-peraturan baharu yang berkuat kuasa** supaya dapat **memberi nasihat yang lebih tepat** kepada pegawai yang berkenaan;
- (iii) Sesuatu **program** yang hendak dilaksanakan perlu **dirancang dengan lebih teliti** dan memastikan semua peraturan kewangan berkuat kuasa dipatuhi, dan harus **dibentangkan kepada pihak pengurusan PTJ** sejak **peringkat awal** perancangan lagi;
- (iv) Sesuatu **program** hanya **dilaksanakan selepas** dipastikan **telah mendapat peruntukan** terlebih dahulu dan **mencukupi**. Jika perlu, **penilaian risiko** hendaklah **dilaksanakan** bagi penganjuran program tersebut; dan
- (v) **Pegawai kewangan** atau **wakil dari Pejabat Bursar** perlu **dilibatkan** dalam program fakulti/PTJ yang melibatkan peraturan kewangan yang berkuatkuasa supaya mematuhi peraturan.

Bahagian Governan dan Integriti  
Pejabat Pendaftar  
Universiti Putra Malaysia